



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JUNE 2016

Mahathir seolah-olah Perdana Menteri

Ulu - 24/6/2016

KUALA LUMPUR

23 Jun - Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim mempersoalkan gelagat Tun Dr. Mahathir Mohamad yang seolah-olah bertindak sebagai 'Perdana Menteri' kedua dengan tidak serik mengacau kepemimpinan kerajaan sedia ada.

Kata beliau, pemimpin-pemimpin dunia yang lain, sebaik sahaja melepaskan jawatan perdana menteri atau presiden, mereka akan menghabiskan masa bersama keluarga, memenuhi jemputan sebagai penceramah atau berperanan di belakang tabir membantu kerajaan, tetapi sebaliknya Dr. Mahathir tidak begitu.

"Kalau dilihat Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton, selepas bersara, beliau memenuhi undangan berucap, menulis dan terbaharu, membantu kempen Presiden untuk isterinya, Hillary.

"Jiran terdekat kita di selatan tanah air, Singapura memiliki mendiang Lee Kuan Yew, se-



TUNKU ABDUL AZIZ

orang Perdana Menteri yang lebih lama khidmatnya berbanding Dr. Mahathir iaitu hampir tiga dekad (1959-1990) sebelum menjadi menteri kanan dalam kerajaan republik itu.

"Tetapi pernahkah kita rakyat Malaysia melihat gelagatnya seperti Dr. Mahathir?"

"Kalau begitu perlakuan Dr. Mahathir, adakah boleh kita simpulkan bahawa bukan 22 tahun beliau menjadi Perdana Menteri tetapi 35 tahun kerana sejak 2003 melepaskan jawatan kepada Tun Abdullah Ahmad Badawi sehingga sekarang (2016) iaitu 13 tahun kemudian, beliau tidak habis mengacau Perdana Menteri selepasnya," kata beliau kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Tunku Abdul Aziz mengulas amaran bekas Ketua Hakim Negara, Tun Abdul Hamid Mohamad bahawa tindakan Dr. Mahathir bersekongkol dengan DAP dan PAN akan membawa kemudaran lebih besar kepada orang Melayu.